



LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

NO. SEBUTHARGA : LPPB/BHPP/PPP/TBS/01/2026

DOKUMEN SEBUTHARGA

UNTUK

**KERJA-KERJA PENGGANTIAN
RAILING DI BLOK C DAN D SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN DI
TAMAN BUKIT SETIA (PPR2),
SEPANGGAR, KOTA KINABALU.**

LPPB Tingkat 13-15, Wisma Perindustrian, Jalan Istiadat, Likas, 88400 Kota Kinabalu, Sabah,
Malaysia.

SENARAI SEMAKAN (KERJA)

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Salinan Sijil Pendaftaran Dari PUKONSA (Kerja)	☐	☐
2	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) atau Salinan Sijil Pengiktirafan Status Perniagaan Anak Negeri Sabah dari Kementerian Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	☐	☐
3	Salinan sijil Perakuan Pendaftaran Dari CIDB	☐	☐
4	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	☐	☐
5	Borang Maklumat Penyebut Harga	☐	☐
6	Pematuhan Kepada Spesifikasi	☐	☐
7	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
8	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	☐	☐
9	Surat Pendaftaran Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	☐	☐
10	Lain-lain sekiranya ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : _____ Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerima dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. _____ (jika ada). Tandatangan : _____ Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____ Tandatangan : _____ Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____

KERJA-KERJA PENGANTIAN RAILING DI BLOK C DAN D SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN BUKIT SETIA (PPR2), SEPANGGAR, KOTA KINABALU.

KANDUNGAN:

1.0	Kenyataan Sebutharga.	
2.0	Arahan Kepada Penyebut Harga	AKP/1 - 2
3.0	Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja.	SSK/1 – 5
4.0	Syarat-syarat Am Sebutharga.	SSA/1 – 5
5.0	Spesifikasi.	
5.1	Spesifikasi	
5.2	Pematuhan Spesifikasi	PS/1
6.0	Borang Sebut Harga Kerja.	BS/1
7.0	Ringkasan Sebut Harga.	RS/1
8.0	Jadual Harga.	JH/1 – 3
9.0	Lampiran,	
A.	Latar Belakang Kontraktor	LK/1 - 5
B.	Borang Perjanjian Inden Kerja	
C.	Surat Akuan Pembida	Lampiran 1A
D.	Lukisan	

1.0 KENYATAAN SEBUTHARGA

2.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK LPPB UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA.

LPPB adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA.

2.1 Penyediaan Sebutharga.

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga.
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga.
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan.
- (d) Maklumat Kontraktor di Bahagian *Details of Contractor* dan *Details of Sub-Contractor*.
- (e) Jadual Kadar Harga (Jika ada)
- (f) Butir – butir Spesifikasi (Jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2. Penyerahan Dokumen Sebutharga.

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **LPPB/BHPP/PPP/TBS/01/2026** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Pentender hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3. Penjelasan Lanjut.

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

**Unit Penyenggaraan,
Bahagian Harta, Penjualan & Pemasaran
Tingkat 15, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat, Likas
88400 KOTA KINABALU.**

**Tel : 088-287 777
Faks : 088-222 670**

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh masa tidak melebihi 12 **Minggu**.

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA.

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

5. TEMPOH SAH SEBUTHARGA.

Sebut harga ini sah selama **90 hari dari tarikh tutup sebut harga**. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

6. BARANGAN IMPORT DAN PERKHIDMATAN ASING.

Pentender hendaklah mengambilkira di dalam tawarannya ke atas masa dan perbelanjaan yang diperlukan bagi mematuhi syarat-syarat penggunaan barangan import. Pentender tidak dibenarkan mengimport sebarang bahan, loji, peralatan, kenderaan atau lain-lain barangan berkaitan dengan kerja-kerja sebutharga ini **kecuali** yang telah diluluskan oleh **MITI (Ministry International Trade & Industry)**.

Sekiranya barangan tempatan tiada di dalam pasaran, pentender hendaklah memohon kebenaran daripada MITI dan Jabatan Perbendaharaan Negara bagi menggunakan barangan import.

3.0 SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA.

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS.

Kontraktor hendaklah atas nama bersama LPPB dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut harga). bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi Insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA.

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, Butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA.

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas **tujuh (7) hari** dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA.

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN.

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerjakerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA.

7.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sepenuhnya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, samada dalam tempoh sah Sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA.

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahny dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR.

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN.

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN.

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya **duabelas (12) bulan** dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah **dua belas (12) bulan** dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada duabelas (12) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP.

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja – Asas Tunai PK4.2 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR.

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

17. PENYELIA TAPAK BINA.

- 17.1 LPPB adalah berhak untuk melantik seseorang Penyelia Tapak Bina (SS) jika perlu dari masa kesemasa yang mana tugas-tugas adalah bertindak sebagai pemeriksa bagi pihak LPPB dibawah arahan Pegawai Inden, dan
- 17.2 pihak kontraktor akan menyediakan apa jua keperluan yang munasabah sebagai alatan tugas.
- 17.3 Jika ada sebarang arahan diberikan kepada kontraktor atau Mandor (Fogmen) berhubung dengan kerja-kerja, maka tidaklah boleh digunapakai melainkan arahan tersebut datangnye dari pihak yang ditauliahkan.
- 17.4 Sejumlah perbelanjaan untuk Penyelia Tapak Bina (SS) perlu ditetapkan dan dimasukkan dibawah wang peruntukan sementara. Keseluruhan jumlah tersebut akan dibayar kepada pihak LPPB, manakala pihak kontraktor hendaklah meletakkan sejumlah peruntukan (Profit + Attendance) yang diperuntukkan. Jumlah ini akan tertera dalam sijil Interim kepada pihak kontraktor.

4.0 SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Tajuk : **KERJA-KERJA PENGANTIAN *RAILING* DI BLOK C DAN D SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN BUKIT SETIA (PPR2), SEPANGGAR, KOTA KINABLU.**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. Kehendak Am

Spesifikasi kerja ini hendaklah dibaca dan difahami supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan sempurna dan mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Inden.

Jika sekiranya Kontraktor menganggap mana-mana fasa Sebut Harga ini akan melibatkan perbelanjaan, dia hendaklah memberi nilai wang terhadap fasa-fasa tersebut.

2. Lokasi Tapak Kerja/Pemeriksaan Tapak

Kerja-kerja yang hendak dilaksanakan adalah di **Taman Bukit Setia (PPR2), Sepanggar, Kota Kinabalu.**

Semua penyebut harga adalah diwajibkan melawat tapak untuk memastikan sendiri skop dan keadaan kerja-kerja yang terlibat kerana tuntutan tambahan tidak akan dibayar atas alasan kekurangan maklumat mengenai keadaan tapak oleh pihak kontraktor.

3. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Pihak Kontraktor dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.**

4. Skop Kerja

Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan semua peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan semua skop kerja yang dinyatakan di Ringkasan Sebut Harga (Pukal) dimana kosnya telah diambil kira dalam menghargakan. Semua kerja hendaklah mengikut arahan Pegawai Inden dan spesifikasi serta hendaklah berkualiti.

Kontraktor adalah bertanggungjawab dengan perbelanjaan sendiri ke atas risiko pada semua kerja, bahan, buruh, peralatan, mesin-mesin, jentera pengangkutan dan lain-lain perkara yang perlu untuk kerja-kerja senggaraan ini serta kerja-kerja yang berkaitan di kawasan **Taman Bukit Setia (PPR2), Sepanggar, Kota Kinabalu.**

5. Kerosakan Kepada Harta Benda

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh alat-alat, mesin-mesin, lori-lori atau pekerja-pekerja ke atas mana-mana harta, tumbuh-tumbuhan atau pokok kepunyaan **Taman Bukit Setia (PPR2), Sepanggar, Kota Kinabalu** atau pengguna dan sebagainya dan hendaklah menyelenggara dan membaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh Pegawai Inden atau sebaliknya dan hendaklah menanggung kos pembaikan tersebut.

6. Alat-alat Dan Mesin-mesin Kontraktor.

Semua alat-alat dan mesin-mesin kontraktor yang digunakan hendaklah dari jenis, saiz dan corak bekerja yang bersesuaian dengan jenis, corak dan keadaan tapak di mana kerja-kerja akan dijalankan. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan semua mesin dan lain-lain kelengkapan kepunyaan kontraktor yang perlu untuk kerja dalam kontrak ini.

7. Penyelia/Pengawas Kerja

Pemborong hendaklah mengadakan seorang penyelia kerja di tapak kerja setiap masa bekerja. Ini adalah bagi memudahkan Pegawai Inden memberi arahan atau pun teguran berhubung dengan mutu kerja berkenaan.

8. Kebersihan Dan Keselamatan Tapak Kerja

Tapak kerja hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa. Langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk/amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam dan pekerja pejabat.

9. Bersedia Untuk Dihubungi

Alamat, Nombor Telefon.

Kontraktor adalah dikehendaki memberi alamat, nombor telefon atau apa-apa jenis perhubungan yang boleh dihubungi pada bila-bila masa. Oleh yang demikian kontraktor hendaklah sentiasa bersedia untuk menjalankan kerja-kerja apabila dihubungi. Kontraktor hendaklah mengisi butir-butir seperti berikut:

Nama Syarikat : _____

Alamat : _____

No. Telefon Rumah : _____

No. Telefon Bimbit : _____

No. Telefon Pejabat : _____

10. Kawalan Dan Papan Tanda Lalulintas / Amaran

- a) Kawalan dan papan tanda lalulintas/amaran yang bersesuaian hendaklah disediakan oleh kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja yang memerlukan penutupan jalan sebahagian atau sepenuhnya demi untuk keselamatan awam.
- b) Segala urusan memohon kebenaran penutupan jalan dari pihak yang berkenaan adalah tanggungjawab kontraktor.

11. Pengawalan Dan Pendaftaran Pekerja Di Tapak

Kontraktor adalah bertanggungjawab mengawal semua pekerjaanya di dalam kawasan tapak kerja dan sekitarnya bagi mengelak dari sebarang perkara yang boleh menyalahi Undang-Undang Kerajaan.

12. Kerja-kerja Yang Tidak Disiapkan

Jika kontraktor tidak menyiapkan kerja mengikut penentuan kerja atau mengikut jadual, tindakan-tindakan seperti berikut akan diambil ke atas kontraktor mengikut syarat-syarat berikut:

- a) Arahan secara bertulis akan dikeluarkan oleh Pegawai Inden supaya kontraktor menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat arahan.

13. Pegawai Inden

Perkataan Pegawai Penguasa (P.P) yang tercatat pada mana-mana bahagian dalam Dokumen Sebutharga ini adalah bermaksud Pegawai Inden.

14. Keadaan Barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

15. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. **Harga yang ditawarkan adalah harga TANPA KENAAN GST.**

16. Sebut Harga Sebahagian

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

17. Barang Setara

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

18. Persetujuan

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

19. Pemeriksaan

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

20. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

21. Penolakan

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada LPPB segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak LPPB untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

22. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

23. Tafsiran

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

24. Insurans

Tiada apa-apa insurans atau barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

25. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

- 25.1 Semua tawaran harga oleh syarikat hendaklah dikemukakan **TANPA KENAAN GST.**
- 25.2 Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan salinan Surat Pendaftaran Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada Jabatan ini.
- 25.3 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan GST.
- 25.4 Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai dibawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Jabatan ini perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST.

26. Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan

- 26.1 Penyebut harga adalah tertakluk kepada Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) mengenai pelaksanaan *Integrity Pact* bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan.
- 26.2 Sehubungan dengan itu penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengisi **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran 1A**.

5.0 SPESIFIKASI

5.2 JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

BIL	SPESIFIKASI	YA / TIDAK	CATATAN
1.0	KEHENDAK JABATAN		
1.1	Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.	-----	
1.2	Kontraktor hendaklah atas nama bersama LPPB dan Kontraktor mengambil insurans seperti berikut : (I) Insurans Pampasan Pekerja (Workmen Compensation) / atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerjaanya. (II) Insurans Liabiliti Awam dan / Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-Butir Ringkasan Sebut harga bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini.	----- ----- -----	
1.3	Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.	-----	
1.4	Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh masa tidak melebihi minggu .	-----	
1.5	Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya duabelas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.	-----	

Pengesahan daripada Penyebut Harga :

(_____)
Tandatangan Penyebut Harga

Nama : _____

No Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

6.0 BORANG SEBUT HARGA KERJA

BORANG SEBUTHARGA KERJA

Untuk

NO SEBUTHARGA: LPPB/BHPP/PPP/TBS/01/2026

Pengurus Besar
Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar
Tingkat 13 – 15 Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat, Likas
88400 KOTA KINABALU.

Tuan,

**Sebutharga untuk : KERJA-KERJA PENGGANTIAN RAILING DI BLOK C DAN D
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN BUKIT
SETIA (PPR2), SEPANGGAR, KOTA KINABALU.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan Pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga

Sebanyak **Ringgit Malaysia:**

..... (RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam tempoh masa
..... **Minggu** dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh
Pegawai Inden.

Bertarikh pada Haribulan 2026

.....
Tandatangan Kontraktor

Nama :

No K/P :

Alamat :

.....

.....
Tandatangan Saksi

Nama :

No K/P :

Alamat :

.....

Atas Sifat : _ _ _ _ _

.....

Meterai Atau Cop Kontraktor

7.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

RINGKASAN SEBUT HARGA

NO. SEBUTHARGA : LPPB/BHPP/PPP/TBS/01/2026

TAJUK KERJA : KERJA-KERJA PENGGANTIAN *RAILING* DI BLOK C DAN D
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN BUKIT (PPR2),
SEPANGGAR, KOTA KINABALU.

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH HARGA RM
1	Kehendak Permulaan dan syarat-syarat AM	
2	Kerja-Kerja Pembaikan <i>Railing</i>	
3	Wang Peruntukan Sementara	
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga (RM)	

Catatan :

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

(Tandatangan Kontraktor)

Nama : _____

No K/P : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

8.0 JADUAL HARGA

JADUAL HARGA

NO. SEBUTHARGA : LPPB/BHPP/PPP/TBS/01/2026
 TAJUK KERJA : KERJA-KERJA PENGANTIAN *RAILING* DI BLOK C DAN D
 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN BUKIT SETIA (PPR2),
 SEPANGGAR, KOTA KINABALU.

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
1.0	<u>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</u>	Pukal			
	1.1. Insuran	Pukal			
	1.2. Papan tanda projek				
	1.3. Kelengkapan keselamatan, papan tanda amaran dan keselamatan umum sepanjang tempoh pembinaan dijalankan.	Pukal			
		Pukal			
	1.4. Laporan bulanan & gambar				
	1.5. Kelengkapan dan peralatan seperti generator mudahalih, sumber bahan bakar dan alat pengimpal di tapak bina.	Pukal			
	1.6. Pembersihan tapak selepas penyiapan.	Pukal			
	1.7. Peralatan keselamatan (Safety Boots, Safety Vest and Safety Helmet)	Pukal			
JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (Bil.1)					

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
2.0	<u>KERJA-KERJA PEMBAIKAN RAILING</u>				
	2.1. Kerja-kerja memotong, membuka dan memunggah railing asal ke tempat pembuangan yang disediakan oleh pihak kontraktor :				
	a) Jenis 1 - 24'9" panjang x 3'6" tinggi	No	4		
	b) Jenis 2 – 22'9" panjang x 3'6" tinggi	No	4		
	c) Jenis 3 – 21' 0" panjang x 3'6" tinggi	No	8		
	d) Jenis 4 – 10' 6" panjang x 3'6" tinggi	No	12		
	2.2. Kerja -kerja membekal, mengangkut, memasang, mengimpal, memotong, menebuk dan mencanai, railing keluli lembut merangkumi 38mm x 78mm x 2.3mm tebal rail susur atas dan bawah (RHS), 38mm x 38mm x 2.3mm tebal rail tegak (SHS), 19mm x 19mm x 1.2mm tebal rail tegak 'baluster' (SHS), 4mm tebal plate keluli lembut (mild steel plate), 9.5mm bolt keluli (anchor bolt) dengan nat dan sesendal, membentuk lubang pada besi plat dan permukaan konkrit, paip besi jemuran berserta dawai bersalut pvc semua seperti yang dinyatakan dalam lukisan dan spesifikasi ;				
	a) Jenis 1 – 24'9" panjang x 3'6" tinggi	No	4		
	b) Jenis 2 – 22'9" panjang x 3'6" tinggi	No	4		
	c) Jenis 3 – 21'0" panjang x 3'6" tinggi	No	8		
	d) Jenis 4 – 10'6" panjang x 3'6" tinggi	No	12		
	2.3. Kerja-kerja mengecat railing keluli lembut dengan satu (1) lapisan primer dan dua (2) lapisan cat penyudah jenis 'Nippon' atau yang setara dengannya semua seperti yang dinyatakan dalam lukisan dan spesifikasi :-				
	a) Jenis 1 – 24'9" panjang x 3'6" tinggi	No	4		
	b) Jenis 2 – 22'9" panjang x 3'6" tinggi	No	4		
	c) Jenis 3 – 21'0" panjang x 3'6" tinggi	No	8		
	d) Jenis 4 – 10'6" panjang x 3'6" tinggi	No	12		
	2.4. Membaikpulih permukaan konkrit yang bersambung railing keluli termasuk kerja mengecat.	No	28		
	Nota:Kuantiti Sementara (All Provisional)				
JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (Bil.2)					

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
3.0	<u>WANG PERUNTUKAN SEMENTARA</u>	Pukal			20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (Bil.3)					

9.0 LAMPIRAN

- (A) LATAR BELAKANG KONTRAKTOR**
- (B) BORANG PERJANJIAN INDEN KERJA**
- (C) SURAT AKUAN PEMBIDA**

(A) LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR (BAHAGIAN A – D)

Semua butir latar belakang Kontraktor (Bahagian A – D) yang dilampirkan ini hendaklah diisi oleh Kontraktor dengan **betul** dan **lengkap** dan dikembalikan bersama-sama dengan Sebut Harganya.

(
Tandatangan Kontraktor

(
Tandatangan Saksi

Nama : _____

Nama : _____

No K/P : _____

No K/P : _____

Alamat : _____

Alamat : _____

Yang diberi kuasa dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak

(
Meterai Atau Cop Kontraktor

Tarikh : _____

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

Bahagian A

1. Nama : _____
2. Alamat : _____
: _____
3. Kelas : _____ Tajuk / Tajuk Kecil : _____
4. Tarikh Didaftarkan : _____
5. Jika Bertaraf Bumiputra, nyatakan :-
Tarikh Berkuatkuasa : _____
Tarikh Tamat : _____
6. Bagi Syarikat Sdn Bhd, nyatakan :-
Modal Dibenarkan : _____
Modal Dibayar : _____

Bahagian B

Senarai sepuluh (10) kerja-kerja yang **TELAH** disiapkan.

NAMA PROJEK	JABATAN / AGENSI / PERUNDING YANG MENGAWAS PROJEK	HARGA RM	TEMPOH	TARIKH SIAP SEBENAR

Nota : Sila sertakan bukti.

Bahagian C

Senarai kerja yang **SEDANG** dijalankan.

NAMA PROJEK	JABATAN / AGENSI / PERUNDING YANG MENGAWAS PROJEK	HARGA KONTRAK RM	TEMPOH KONTRAK	PERATUSAN KEMAJUAN	ULASAN PEGAWAI YANG MENILAI SEBUT HARGA*

Nota : Sila sertakan bukti.

Bahagian D

Ahli-Ahli Syarikat

1. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANAG

2. Ahli-Ahli Pengurusan

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANAG

(B) BORANG PERJANJIAN INDEN KERJA

KERAJAAN MALAYSIA
BORANG PERJANJIAN INDEN KERJA

Vot :
 Kerja :
 Ruj. Fail :

No. Inden :
 No. Tanggungan :
 Kerani Kewangan :

A. Kepada Kontraktor

Nama

Alamat

Sila laksanakan kerja-kerja di bawah ini :

.....

.....

Untuk jumlah wang sebanyak Ringgit :

dan sen (RM) dan

*tambahan / *tiada kenaan 6% GST sebanyak Ringgit :

..... dan sen (RM)

Mengikut syarat-syarat berikut :

1. Kontraktor tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada Pegawai Inden menyerahkan atau menyewakan mana-mana bahagian kerja.
2. Kerja ini hendaklah dimulakan dalam tempoh **2 minggu dari tarikh Inden Kerja** dan hendaklah disiapkan pada
3. Dokume-dokumen berikut hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksir sebagai sebahagian daripada Pejanjian Sebut Harga :-
 - a) Borang Perjanjian Inden Kerja
 - b) Syarat-syarat Sebut Harga
 - c) Spesifikasi
 - d) Ringkasan Sebut Harga / Senarai Kualiti
 - e) Lukisan
 - f) Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor

Tandatangan
 (Ketua Pengarah ANM / Pegawai Inden)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

4. Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas.

(.....)
 Kontraktor

(.....)
 Saksi

Nama :

Nama :

Atas Sifat :

No K/P :

Diberikan dengan sempurna untuk
 menandatangani untuk dan bagi pihak

Jawatan :

Alamat :

(.....)

(Meterai Atau Cop Kontraktor)

Tarikh :

Tarikh :

(C) SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**KERJA-KERJA PENGANTIAN *RAILING* DI BLOK C DAN D SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN DI TAMAN BUKIT SETIA (PPR2),
SEPANGGAR KOTA KINABALU.**

SayaNombor K.P. yang

Mewakilinombor pendaftaran

..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili Syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LPPB atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama inidilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu lain yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LPPB atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut di ambil:-

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut harga* di atas ; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas ; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) atau balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

()


Nama :

No. K.P. :





Cop Syarikat :

(D) LUKISAN

JENIS RAILING
1, 2, 3 & 4 – KORRIDOR
3a – BALKONI



FLOOR PLAN




LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN dan BANDAR

KERJA-KERJA PENGGANTIAN RAILING KORRIDOR, PEMBAIKAN BALAIRAYA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI FLAT KOS RENDAH, TAMAN SEMARAK, TAWAU


ARCHITECT:

DRAWING TITLE:
ELEVATION OF RAILING


DRAWN:		CHECKED:	
DRAWING NO.	SHIPLEIGH/03018	APPROVED BY:	
JOB NO.	SHEET	SCALE	DATE
		1:1	




**ELEVATION OF RAILING
(BALCONY)**



PLAN (3)




ELEVATION OF RAILING (4)



PLAN (4)

 LEMBAGA PEMANGKU PERUMAHAN dan BANDAR			
KERJA-KERJA PENGANTIAN RAILING KORRIDOR, PEMBAIKAN BALAIRAYA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI FLAT KOS RENDAH, TAMAN SEMARAK, TAWAU			
ARCHITECT:			
DRAWING TITLE:			
ELEVATION OF RAILING			
DRAWN:		CHECKED:	
DRAWING NO.	REVISIONS	DATE	BY
JOB NO.	SHEET	SCALE	NO
		1:1	

NEW DRAWING



ISOMETRIC VIEW 2



PROJECT TITLE

KEMPAK KEMASINGAN RAILING
KORIDOR PEMBANGUNAN BALAIKOTA DAN
KEMPAK KEMASINGAN DETAIL RAILING
RENDAH TAMAN SEMARANG TAPAL

ARCHITECT

DRAWING TITLE

DETAIL OF RAILING

DATE	REVISION	REVISION
DATE	NO.	DATE
1	1	1

EXIST.DRAWING

HOLLOW M.S TUBE UPRIGHT

EXISTING RAILING TO CUT AND REMOVE FROM SITE

HOLLOW M S TUBE BALUSTERS AT 5" C/C

HOLLOW MS TUBE UPRIGHT

EXISTING STEEL PLATE AND HOLLOW STEEL TUBE TO BE RETAIN

METRIC VIEW 1

EXIST.DRAWING

HOLLOW M.S TUBE UPRIGHT

EXISTING RAILING TO CUT AND REMOVE FROM SITE

HOLLOW M S TUBE BALUSTERS AT 5" C/C

HOLLOW MS TUBE UPRIGHT

EXISTING STEEL PLATE AND HOLLOW STEEL TUBE TO BE RETAIN

METRIC VIEW 1



JOB TITLE:

KERJA-KERJA PENGANTIAN RAILING
KORIDOR PEMBAKSIAN BALASRAYA DAN
KERJA-KERJA BERHANTAN DI FLAT KOS
RENDAH TAMAN SEMARAK TAWAU

ARCHITECT:

DRAWING TITLE:

DETAIL OF RAILING

ORGAN: CHADON		ORGANIZED:	
ORGANIZED NO: 0307 0402 410		☐ No copies in file ☐ ☐ ☐ ☐	
JIR NO:	04657	07446	DATE
	1	NHS	NOV 20 1977